

KHUTBAH JUMAAT

“MEMELIHARA KESUCIAN AL-QURAN TANGGUNGJAWAB BERSAMA ”
(21 November 2025M/ 30 Jamadilawal 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى
سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama mempertingkatkan keimanan dan ketaqwaan kepada Allah *subhanahu wata'ala* dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Semoga kita memperoleh kejayaan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Berikanlah sepenuh perhatian kepada khutbah yang disampaikan. Elakkan diri daripada segala tindakan yang boleh menghapuskan pahala Jumaat seperti menggunakan telefon, berbual-bual dan sebagainya. Pada hari ini, khatib akan membicarakan khutbah yang bertajuk **“Memelihara Kesucian Al-Quran Tanggungjawab Bersama”**.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Al-Quran adalah kalam Allah *subhanahu wata'ala* yang diturunkan kepada Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* melalui

perantaraan malaikat Jibril *alaihissalam*, dalam bahasa Arab yang jelas. Ia sampai kepada kita secara mutawatir iaitu bermula dengan surah al-Fatihah dan berakhir dengan surah al-Nas. Membacanya adalah ibadah, memahaminya satu keperluan, dan mengamalkannya merupakan tuntutan iman.

Allah *subhanahu wata'ala* menurunkan al-Quran sebagai panduan sempurna bagi kehidupan manusia. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Baqarah, ayat 2:

ذَٰلِكَ الْكِتَابُ لَا رَيْبَ ۚ فِيهِ ۚ هُدًى لِّلْمُتَّقِينَ (٢)

Maksudnya: Kitab al-Quran ini, tidak ada sebarang syak padanya (tentang datangnya dari Allah dan tentang sempurnanya); ia pula menjadi petunjuk bagi orang yang (hendak) bertaqwa;

Al-Quran adalah cahaya yang menerangi jalan hidup, menjelaskan kebesaran dan kekuasaan Allah, mengandungi peraturan hidup yang sempurna, dan merupakan mukjizat agung yang kekal sepanjang zaman. Ia adalah anugerah terbesar kepada umat ini sebagai rahmat, pedoman dan sumber kekuatan yang tidak akan pudar. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah al-Kahfi, ayat 1-2:

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنزَلَ عَلَىٰ عَبْدِهِ الْكِتَابَ وَلَمْ يَجْعَلْ لَهُ عِوَجًا (١) قَيِّمًا
لِّيُنذِرَ بَأْسًا شَدِيدًا مِّن لَّدُنْهُ وَيُبَشِّرَ الْمُؤْمِنِينَ الَّذِينَ يَعْمَلُونَ الصَّالِحَاتِ
أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا حَسَنًا (٢)

Maksudnya: *Segala puji tertentu bagi Allah yang telah menurunkan kepada hamba-Nya (Muhammad), Kitab suci Al-Quran, dan tidak menjadikan padanya sesuatu yang bengkok (terpesong); (Bahkan keadaannya) tetap benar lagi menjadi pengawas turunnya Al-Quran untuk memberi amaran (kepada orang yang ingkar) dengan azab yang seberat-beratnya dari sisi Allah, dan memberi berita gembira kepada orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka akan beroleh balasan yang baik.*

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Antara keistimewaan besar al-Quran ialah Allah *subhanahu wata'ala* yang memelihara, menjaga setiap huruf dan lafaznya daripada sebarang penyelewengan hingga Hari Kiamat. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Hijr, ayat 9:

إِنَّا نَحْنُ نَزَّلْنَا الذِّكْرَ وَإِنَّا لَهُ لَحَافِظُونَ (٩)

Maksudnya: *Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Quran, dan Kamilah yang memelihara dan menjaganya.*

Pemeliharaan ini berlaku sejak zaman Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam*. Penulisan wahyu dibuat dengan ketelitian tinggi di bawah pengawasan Baginda *sallallahu alaihi wasallam*. Setiap kali menerima wahyu, Baginda *sallallahu alaihi wasallam* akan mengarahkan ia ditulis oleh para sahabat *radiallahu anhum* dalam kalangan penulis wahyu, antaranya Saidina Ali bin Abi Talib, Ubai

bin Ka'ab, Muawiyah bin Abi Sufyan dan Zaid bin Thabit *radiallahu anhum*.

Dalam satu riwayat disebutkan bahawa Zaid bin Thabit *radiallahu anhu* berkata: "*Aku pernah menulis wahyu di sisi Rasulullah sallallahu alaihi wasallam dan Baginda sallallahu alaihi wasallam membaca kepadaku. Apabila aku selesai menulis, Baginda bersabda: ((Bacalah kepadaku apa yang engkau tulis.)) Lalu aku membacanya. Jika terdapat kesalahan atau kalimah yang tidak ditulis, Baginda akan memperbetulkan. Kemudian aku bawa wahyu tersebut keluar untuk dibaca kepada manusia.*

(Hadis riwayat Imam at-Tabarani).

Ini membuktikan bahawa talaqqi, semakan dan pengesahan wahyu dilakukan secara sistematik dan terjaga, sehingga sampai kepada kita dalam keadaan sempurna.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pengumpulan al-Quran kali pertama dilakukan pada zaman Abu Bakr al-Siddiq *radiallahu anhu* selepas ramai dari kalangan orang yang hafaz al-Quran (huffaz) gugur dalam peperangan al-Yamamah. Umar bin al-Khattab *radiallahu anhu* mencadangkan agar al-Quran dihimpunkan dan tugas besar ini diserahkan kepada Zaid bin Thabit *radiallahu anhu* untuk melaksanakannya.

Imam al-Suyuti *rahimahullah* mencatatkan bahawa Zaid bin Thabit *radiallahu anhu* tidak menerima ayat al-Quran kecuali dengan dua

saksi, iaitu ia pernah ditulis di hadapan Nabi dan dihafaz oleh para sahabat.

Pada zaman Saidina Uthman ibn 'Affan *radiallahu anhu*, perbezaan bacaan di wilayah Islam disatukan. Lajnah penyalinan mushaf dibentuk, dianggotai sahabat yang mahir seperti Zaid bin Thabit, Abdullah bin al-Zubair, Said bin al-'As dan Abdul Rahman bin Harith *radiallahu anhum*. Mereka menyalin mushaf dan mengirimkannya ke kota-kota Islam bersama seorang guru untuk mengajar bacaan yang sahih. Inilah langkah besar yang menyatukan umat Islam di atas satu mushaf yang diiktiraf.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Di Malaysia, amanah menjaga kesucian al-Quran diteruskan melalui usaha kerajaan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan SKMM, telah meluluskan aplikasi **Smart al-Quran**, aplikasi pertama yang mendapat kelulusan rasmi Lembaga Kawalan dan Pelesenan Percetakan al-Qur'an.

KDN juga dipertanggungjawabkan menguatkuasakan **Akta Pencetakan Teks al-Qur'an 1986 (Pindaan 2023), Akta 326**. Melalui **Lajnah Tashih al-Quran** yang terdiri daripada 35 pakar hafazan, qira'at dan rasm, setiap huruf diteliti dengan ketelitian tertinggi. Draf mushaf wajib memenuhi tiga perkara utama:

1. **Menepati Rasm ‘Uthmani** menurut aliran Abu Daud Sulaiman ibn Najah dan Abu ‘Amru al-Dani.
2. **Menepati kaedah Dabt** berdasarkan aliran Khalil ibn Ahmad al-Farahidi dan ulama Masyāriqah.
3. Berteraskan mushaf Madinah al-Munawwarah dan mushaf Universiti al-Azhar.

Hanya deraf yang menepati garis panduan yang telah ditetapkan akan dibawa kepada Lembaga Pengawalan dan Pelesenan Pencetakan al-Quran bagi tujuan mendapatkan kelulusan cetak.

Dari aspek penguatkuasaan, KDN melaksanakan pemeriksaan berkala, penaziran penerbitan, serta pemeriksaan hasil aduan masyarakat. Dari aspek kualiti pula, setiap penerbit mesti patuh kepada syarat seperti jenis kertas, kaedah penandaan ayat dan ketepatan penamaan mushaf.

Semua ini memastikan mushaf yang berada di tangan umat Islam adalah sahih, terpelihara dan berkualiti tinggi. Memelihara ketepatan mushaf al-Quran adalah amanah bersama. Pastikan setiap mushaf mempunyai cop kelulusan dan hologram KDN. Jika ditemui mushaf meragukan atau tanpa kelulusan, laporkan segera kepada KDN negeri untuk tindakan sewajarnya.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita menghayati beberapa kesimpulan sebagai panduan kita bersama:-

Pertama : Al-Quran adalah dijamin oleh Allah *subhanahu wata'ala* keselamatannya daripada berlaku sebarang penyelewengan dan perubahan.

Kedua : Pihak KDN sentiasa berusaha memastikan mushaf yang tersebar di negara ini adalah terpelihara daripada kesalahan dan penyelewengan melalui usaha penguatkuasaan dan kawalan.

Ketiga : Orang ramai hendaklah membeli mushaf yang telah diperakui keabsahannya oleh KDN iaitu mempunyai cop kelulusan KDN dan pelekat hologram KDN bagi mengelakkan sebarang kekeliruan, penyelewengan, dan pemalsuan.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Kahfi, ayat 27:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
وَأَتْلُ مَا أُوْحِيَ إِلَيْكَ مِنْ كِتَابِ رَبِّكَ ۚ لَا مُبَدِّلَ لِكَلِمَاتِهِ ۚ وَلَنْ تَجِدَ مِنْ
دُونِهِ مُلْتَحَدًا (٢٧)

Maksudnya: *Dan baca serta turutlah apa yang diwahyukan kepadamu dari kitab Tuhanmu; tiada sesiapa yang dapat mengubah kalimah-kalimah-Nya; dan engkau tidak sekali-kali akan mendapat tempat perlindungan selain daripada-Nya.*

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita tetap istiqamah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita peroleh adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Imam at-Tabarani *rahimahullah* meriwayatkan daripada Ibnu Abbas *radiallahu anhuma* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((... وَأَيُّمَا عَبْدٍ نَبَتَ لَحْمُهُ مِنَ السُّحْتِ وَالرِّبَا فَالنَّارُ أَوْلَى بِهِ))

Maksudnya: Sesiapa sahaja daripada kalangan manusia, dagingnya itu tumbuh dari perkara yang haram dan amalan riba, api nerakalah yang patut (untuk membakar dan menghilangkan) daging tersebut.

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang merosakkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ، إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ الْمُهَدِّينَ، سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرَ وَعُثْمَانَ وَعَلِيٍّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ. إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah.

Ya Allah, Ya Dzal Jalali wal Ikram, kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

رَبَّنَا أْتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُم لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.